



ABDULLAH melihat fail yang ditunjukkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting ketika mempengerusikan Mesyuarat Perancang Fizikal Negara di Kompleks Perdana Putra, semalam. Turut hadir Najib, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad. - Gambar oleh Mahayudin Mohamad

BH - 18/5/2004 - 2

Pak Lah minta rakyat Iraq bersatu pulih keamanan

Oleh Mohd Azlan Jaafar dan Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan rasa sedih dengan kematian Ketua Majlis Pentadbiran Iraq, Izzedin Salim dalam satu serangan bom kereta di negara itu, pagi semalam.

Abdullah yang menganggap serangan itu tindakan keganasan yang hanya mengorbankan nyawa orang tidak berdosa, berharap rak-

yat Iraq bersatu untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan di negara itu.

"Sebarang tindakan keganasan tidak boleh diterima tanpa mengira apa jua motifnya. Ia lebih menyedihkan jika serangan terhadap Izzedin dilakukan rakyat Iraq sendiri," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, petang semalam.

Perdana Menteri yang turut menyampaikan takziah kepada keluarga Izzedin dan anggota Majlis Pentadbiran Iraq berkata, kini tiba

masanya semua pihak bersatu dan bukan menyemai bibit yang memecahbelahkan rakyat negara itu.

"Saya berharap Majlis Pentadbiran Iraq tidak terpesong dengan keganasan ini tetapi meneruskan usaha mengembalikan hak pentadbiran kepada rakyat Iraq mengikut jadual ditetapkan," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu segera memainkan

peranan mengembalikan kestabilan di Iraq bagi mengelak situasi bertambah buruk.

"Keadaan di Iraq tidak berubah. Jelas tentera bersekutu tidak berupaya menawan hati dan minda rakyat negara Iraq.

"Keadaan menjadi lebih teruk dengan tersiarnya gambar menunjukkan tahanan Iraq dilayan hingga membangkitkan rasa marah dan terhina rakyat negara itu," kata beliau di pejabatnya di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, amat pen-

ting isu pembentukan negara yang sah serta soal keyakinan dihidupkan semula di Iraq.

"Malaysia sedih melihat pembunuhan berterusan di Iraq. Ia bukan saja membabitkan tentera, malah orang awam dan ahli majlis pentadbiran. Sampai ke mana semua ini akan berlaku?" katanya.

Beliau berkata, pembunuhan Izzedin adalah halangan kepada proses perdamaian di Iraq.

"Ia menunjukkan betapa seriusnya soal keselamatan di Iraq," katanya.